

Hatrik Sani bantu UPSI benam KUTKM

Archival News | Berita Harian | 06/02/2005

NAIB juara bola sepak Piala Celcom, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mengesahkan tempat ke final bahagian dua saingan Liga Universiti Celcom 2004/2005 selepas membenam Kolej Universiti Teknikal dan Kejuruteraan Malaysia (KUTKM) 4-0 pada separuh akhir di padang Universiti Malaya, semalam.

Pemain gantian, Mohamd Sani Rabin muncul wira apabila melakukan hatrik untuk membantu pasukannya mara ke final 12 Februari ini.

UPSI memperoleh gol pertama pada minit ke-13 menerusi Saifullizam Abdullah sebelum Mohamad Sani menambah jaringan pada minit ke-33.

KUTKM cuba bangkit tetapi dua lagi gol dari Mohamad Sani pada minit ke-55 dan 87 terus mematikan cabaran mereka.

UPSI akan bertemu Universiti Putra Malaysia (UPM) yang menewaskan Universiti Teknologi Petronas (UTP) 3-2, di final nanti.

UTP membuat kejutan awal menerusi Haroun Mahamat seawal minit pertama sebelum Shahril Amran Md Noor menyamakan kedudukan enam minit selepas itu.

Dua jaringan Sofizal Sohkini pada minit ke-50 dan 65 sudah cukup memastikan tiket ke final buat UPM sebelum UTP merapatkan jaringan menerusi Haroun pada minit ke-70.

Di bahagian satu, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mengukuhkan kedudukan selepas menundukkan KUiTTHO 3-2.

Dalam perlawanan lain, UIAM menang 4-2 ke atas USM manakala juara bertahan UiTM seri 0-0 dengan UKM.

(END) Source : Berita Harian

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA